

07 SEP 1999

MUSTAPA-KEB4

KEB4 UNTUK SEDIAKAN BUMIPUTERA TANGKAS PADA MASA DEPAN

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB4) mahu memperkukuhkan ketahanan dan daya saing bumiputera bagi menghadapi masa depan dan persekitaran ekonomi berasaskan ilmu (knowledge economy).

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berharap kongres ini akan lebih "berisi" bagi menyediakan hala tuju bumiputera dalam persekitaran ekonomi berasaskan ilmu.

"Kita harap supaya ada impak. Harapan kita amat besar sekali sebagaimana kongres sebelum ini," katanya, sambil menambah lebih dua bulan dihabiskan bagi persediaan menjayakan kongres kali keempat ini.

KEB4 akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra pada Jumaat dan Sabtu ini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara sumbangan KEB terdahulu ialah seperti penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA) berikutan KEB-1 dan Bank Bumiputera Malaysia Bhd yang muncul selepas KEB-2.

Bercakap pada satu sidang media hari ini Mustapa berkata kongres kali ini juga akan menilai pencapaian bumiputera sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kesan akibat kegawatan.

Sungguhpun "sejarah" akan digunakan sebagai landasan tetapi beliau berkata: "tetapi yang penting kita lihat ke depan bagaimana hendak mempersiapkan bumiputera menghadapi ekonomi berasaskan ilmu."

Beliau berkata antara isu baru yang akan kemukakan pada kongres itu nanti ialah mengenai budaya dan agama dalam usaha membentuk bumiputera yang kental pada masa depan.

Mustapa berkata setakat ini 700 orang dijangka menyertai kongres itu, bagaimanapun beliau berharap angka itu mencecah 1,000 menjelang Jumaat ini.

Satu lagi kelainan kongres ini, katanya, ia mahukan peryertaan bumiputera yang lebih menyeluruh merangkumi Sabah dan Sarawak dan tidak sahaja terhad pada bumiputera di Semenanjung.

Mustapa berkata penyertaan bumiputera Sabah dan Sarawak amat kurang dalam kongres terdahulu. Sehubungan dengan itu beliau mahukan sekurang-kurangnya 50 peryertaan masing-masing dari Sabah dan Sarawak.

KEB4 juga akan membekalkan "input" kepada Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN2), katanya.

Sementara itu presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli berkata lebih 60 resolusi akan dibincangkan dan dimajukan pada kongres kali ini. -- BERNAMA

LES OS